

**K**EMENTERIAN Kesihatan akan mengambil tindakan tegas mengikut Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 untuk memecah masuk ke kediaman atau kawasan terbiar yang tidak berpenghuni jika dikenal pasti menjadi sarang pembiakan nyamuk Aedes.

Menterinya, Datuk Liow Tiong Lai, berkata tindakan tegas itu adalah antara langkah terbaru yang bakal dilaksanakan kementerian bagi memastikan sasaran untuk mengurangkan kes

# Kenal pasti sarang denggi

Mahu pastikan sasaran kurangkan kes kepada 39,000 tahun ini berbanding 49,000 tahun lalu



## >Info

### Apa itu demam denggi?

■ Demam denggi adalah disebabkan oleh virus denggi. Ia merebak melalui gigitan nyamuk aedes. Dianggarkan terdapat lebih 100 juta kes denggi di serata dunia setiap tahun.

### Tanda dan Gejala

■ Demam panas

untuk mengurangkan kes demam denggi kepada 39,000 tahun ini berbanding 49,000 tahun lalu, dapat dicapai.

"Kementerian sudah mengarahkan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya mengkaji Notis Arahan Pembersihan mengikut Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang memberi tempoh 14 hari kepada pemilik premis untuk membersihkan kawasan masing-masing.

"Saya mencadangkan supaya tempoh itu dapat dikurangkan antara tiga ke lima hari, kerana tempoh yang ditetapkan



## Tindakan tegas itu antara langkah terbaru yang bakal dilaksanakan kementerian bagi mencapai sasaran untuk mengurangkan kes demam denggi"

>Liow Tiong Lai  
Menteri Kesihatan

ketika ini dianggap terlalu lama dan boleh menjejaskan usaha membanteras sarang pembiakan nyamuk Aedes," katanya kepada pemberita selepas mempe- ngerusikan mesyuarat bersama ahli Exco Kesihatan dan Pengarah Kesihatan negeri berhubung situasi semasa demam denggi dan chikungunya, di pejabatnya di sini, baru-baru ini.

Serentak itu, Liow berkata, kementerian akan bekerjasama dengan (PBT) untuk mengenal pasti kediaman dan kawasan terbiar di seluruh negara.

## PERANGI DEMAM DENGGI: HANYA 10 MINIT SETIAP MINGGUBOLEH SELAMATKAN NYAWA ANDA DAN KELUARGA

SETIAP minggu ambil masa selama 10 minit untuk membersihkan rumah dan kawasan sekitar bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes demi menyelamatkan nyawa kita dan keluarga.

Nyamuk aedes dewasa akan menghisap darah manusia dan seterusnya menyebarkan virus demam denggi dan ia hanya memerlukan masa 1 minggu saja daripada telur kepada jentik-jentik diikuti kepompong dan seterusnya menjadi nyamuk dewasa.

Oleh itu, adalah penting kita memutuskan kitaran hidup nyamuk aedes dengan membersihkan kawasan rumah dan persekitaran kita daripada tempat yang berpotensi menjadi tempat pembiakan jentik-jentik. Sangat mudah bukan?

### Apa yang perlu dilakukan?

■ Cari dan musnahkan bekas berpotensi menampung air yang menjadi tempat pembiakan jentik-jentik di rumah kita.

■ Berus dan cuci bekas jambangan bunga, kolah air dan alas pasu bunga.

■ Buang atau lupuskan dengan sempurna bekas makanan polisterin, tayar, botol dan tin kosong yang tidak digunakan lagi agar tidak menjadi tempat pembiakan jentik-jentik.

■ Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik ke dalam bekas yang tidak boleh dilupuskan seperti tangki dan bekas simpanan air.

Harus diingat, nyamuk aedes tidak memerlukan kuantiti air yang banyak untuk membiak - tidak perlu air sebaldi atau setempayan, malah cukup dengan takungan air sebanyak SATU SUDU besar! Justeru itu, nyamuk aedes boleh membiak dalam air yang bertakung sekadar di tepi-tepi tayar, bekas makanan polisterin yang kita buang dan sebagainya!

**INGAT: 10 Minit Seminggu  
Menyelamatkan Nyawa Kita!**

- Benam panis
- Sakit kepala
- Sakit sendi-sendi
- Loya dan muntah-muntah
- Sakit biji mata
- Ruam

### Tanda denggi berdarah

■ Mudah lebam, pendarahan di bawah kulit, pada hidung atau gusi. Ia boleh diikuti dengan pendarahan seluruh badan yang boleh membawa maut

### Rawatan

■ Masih tiada rawatan khas untuk demam denggi. Pesakit yang mengalami tanda-tanda dan menunjukkan gejala-gejala demam denggi hendaklah mendapatkan rawatan segera. Pesakit akan diberikan ubat demam dan dinasihatkan berehat serta digalakkan minum air. Pesakit akan dimasukkan ke dalam wad sekiranya disyaki menghidap demam denggi berdarah.

### Pencegahan

- Membuang bekas yang boleh menampung air.
- Pastikan tangki air, bekas tadahan hujan ditutup bersama penutup.
- Pastikan pasu bunga dan bekas tadahan air dibuang seminggu sekali.
- Pastikan saliran atap sentiasa mengalir.
- Bela ikan dalam kolam ikan untuk kurangkan jentik-jentik.

